



IMAGINASI AISYA

# DUYUNG COMEL

*yang berani*

Sebuah kisah yang diimajinasikan  
oleh Adik Aqeela Aisyah, 6 tahun,  
melalui lakaran asal lukisan beliau.



DR. NINIE





**IMAGINASI AISYA**  
**DUYUNG COMEL**  
*yana berani*

**DR. NINIE**

# *Hakcipta*

Terbitan Kedua: November 2021 ©Copyright 2021.  
Terbitan pertama: Oktober 2021 ©Copyright 2021.

Penulis/Pelukis:

Dr. Amaal Fadhlini Mohamed



Cerita asal oleh:

Aqeela Aisyah Muhammad Syafidi

Dr. Amaal Fadhlini Mohamed

Kandungan dan gambar dalam e-buku ini adalah karya asal dan koleksi penulis sendiri. Sebarang pengulangan dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau apa sahaja dari mana-mana bahagian e-buku ini adalah tidak dibenarkan tanpa izin penulis.

Diterbitkan oleh:

Ninidoll House Production

Bachok, Kelantan

Laman sesawang:

<http://www.ninidollebookhouse.com>

<https://ninidollbookhouse.blogspot.com>

Email: [ninidollhouseproduction@gmail.com](mailto:ninidollhouseproduction@gmail.com)



e-ISBN: 978-967-2613-30-5

# Prakata

Hai kawan-kawan! Saya Aisya. **Kisah Duyung Comel yang Berani** ini dicipta berdasarkan karakter dalam imaginasi saya ketika bermain pelbagai permainan termasuklah anak patung dan figura. Kisah ini dibawakan khas untuk semua penggemar cerita dongeng kanak-kanak.

Buat pengetahuan kawan-kawan, semua kisah dalam siri **Imaginasi Aisya** ini adalah karya asal saya dan diolah oleh penulis iaitu ibu saudara saya. Rekaan, kartun dan susun atur ilustrasi buku ini juga dilukis/dihasilkan oleh beliau berdasarkan cadangan dan imaginasi saya tau!

Kini, kawan-kawan yang sudah pandai membaca boleh mengikuti kisah-kisah menarik yang telah ibu saudara saya bukukan. Beliau adalah tenaga pengajar kursus penulisan kreatif. Jadi, kisah yang dibukukan ini juga sesuai untuk kawan-kawan jadikan skrip hafalan untuk sebarang Pertandingan bercerita dan lakonan pentas.



# *Isi Kandungan*

<b>HAKCIPTA</b>	iii
<b>PRAKATA</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI WATAK</b>	vi
<b>KISAH DUYUNG COMEL YANG BERANI</b>	01
<b>BIODATA PENCERITA</b>	28
<b>LUKISAN ASAL &amp; SUMBER INSPIRASI</b>	29
<b>BIODATA PENULIS</b>	30
<b>PENGHARGAAN</b>	31
<b>PENAFIAN</b>	32



# *Senarai Watak*



**DUYUNG COMEL**



**UNICORN**



**RABBIT**



**JERUNG BIRU**



**JERUNG KELABU**



# *Kisah* **DUYUNG COMEL** *uana berani*

Pada suatu hari, Unicorn pergi ke pantai bersama sahabat karibnya, Rabbit. Pantai tersebut dinamakan Pantai Lolipop, tidak jauh dari tempat tinggal mereka. Mereka berdua membawa pelampung comel untuk mandi di pantai tersebut.



Mereka berenang dengan gembira.  
Unicorn berenang di kawasan tengah  
pantai yang agak dalam, manakala  
Rabbit hanya bermain di pesisir pantai  
yang cetek sedikit.



Sedang Unicorn leka berenang berseorangan, tiba-tiba Rabbit menjerit memanggil Unicorn dengan nada yang teruja. Rabbit memberitahu bahawa dia ternampak sesuatu yang berkilau tidak jauh daripada tempatnya bermain air.



Dia memandang objek itu dengan penuh rasa ingin tahu. Objek itu adalah sebuah pelampung dan reben.

